

31 MAY 2003

Mahathir-Gawai (Perutusan)

DR MAHATHIR DAN ISTERI UCAP SELAMAT HARI GAWAI

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada masyarakat Dayak dan penduduk Sarawak yang akan menyambut perayaan itu selama dua hari mulai esok.

Dr Mahathir berharap semua kaum lain di Sarawak akan turut merayakan Hari Gawai bersama masyarakat Dayak sebagai menandakan berakhirnya musim menuai dan kini merupakan satu perayaan yang meriah yang ditunggu-tunggu oleh semua penduduk di Sarawak.

Perayaan tradisi kaum seperti Hari Gawai dapat memberi peluang kepada kaum masing-masing untuk mengamalkan adat resam atau kepercayaan mereka tanpa halangan, malah kerajaan turut terlibat menjayakan dan menggalakkan perayaan tradisi kaum seperti ini, katanya dalam perutusan Hari Gawai.

"Jelas sekali, negara kita yang mempunyai rakyat berbilang kaum yang toleran, mempraktikkan kebebasan beragama, berbudaya dan berbahasa. Keistimewaan ini hendaklah kita pelihara demi kesejahteraan hidup kita sebagai satu bangsa dan negara Malaysia," katanya.

Beliau berkata adalah jelas, usaha kerajaan menyemai sikap saling hormat menghormati dan kerjasama serta memupuk perpaduan antara kaum telah membuahkan hasil yang baik.

Kata beliau ini dapat dibuktikan apabila rakyat tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan tindakan sesetengah anasir jahat yang cuba memporak-perandakan negara dengan memecah-belahkan raket berbilang kaum.

Rakyat sebaliknya dapat menangani isu-isu perkauman yang ekstrem dengan cara yang baik, kata beliau.

Dr Mahathir berkata suasana keharmonian antara rakyat negara ini perlu terus dikekalkan demi masa depan negara kerana dengan keamanan dan kestabilan, negara akan lebih pesat membangun dan maju.

Dalam hubungan itu, beliau menyeru semua kaum supaya mengambil peluang untuk menyambut Hari Gawai bagi meningkatkan lagi rasa persefahaman dan hubungan sesama mereka.

-- BERNAMA

HM KHY PR